

## **KESANTUNAN BAHASA DALAM AL-QURAN: SATU KAJIAN DARI PERSPEKTIF PENDIDIKAN AKHLAK DALAM KELUARGA**

Muhamad Fairuz Ali

[mfairuz@kuiipsas.edu.my](mailto:mfairuz@kuiipsas.edu.my)

*Kolej Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah*

Che Radiah Mezah

[cradiah@upm.edu.my](mailto:cradiah@upm.edu.my)

Mohd Sukki Othman

[msukki@upm.edu.my](mailto:msukki@upm.edu.my)

*Universiti Putra Malaysia*

### **ABSTRAK**

*Al-Quran adalah panduan kepada semua umat Islam. Pesanan yang disampaikan melalui bahasa menggambarkan ilmu dan hikmah yang amat bernilai untuk umat manusia. Salah satu aspek keagungan wahyu ini adalah melalui penggunaan bahasa yang sesuai dalam memastikan mesej yang disampaikan dapat diterima dengan jelas dan berkesan. Mesej ini pula membawa nilai pendidikan yang wajib diterapkan dalam diri manusia selaras dengan intipati dan ajaran Islam yang meliputi aspek akidah, ibadah dan akhlak. Pendidikan akhlak harus diterapkan oleh ibu bapa kepada anak-anak melalui contoh-contoh ayat al-Quran yang dibawa. Justeru, kajian ini dilakukan untuk mengetahui aspek kesantunan bahasa dalam al-Quran dan hubungannya dengan pendidikan akhlak dalam keluarga. Kajian yang berteraskan kualitatif ini memaparkan beberapa contoh kesantunan dalam menyampaikan pendidikan akhlak. Dapatan seterusnya mengemukakan beberapa nilai pendidikan, kelembutan, hikmah, sindiran dan tatatusila. Hasil kajian ini menyimpulkan bahawa pendekatan kesantunan bahasa dapat dijadikan panduan kepada ibu bapa dalam mendidik anak dengan menggunakan bahasa yang sesuai pada tempat dan situasinya.*

**Kata kunci:** *Kesantunan bahasa, pendidikan akhlak, keluarga*

## PENGENALAN

Pendidikan adalah suatu proses membangunkan manusia berdasarkan fitrah dan melahirkan keharmonian. Keharmonian ini merupakan fitrah yang akan membangunkan kehidupan dan mendokong serta menjulang prinsip Keadilan dan kebenaran (Sidek Baba:2010). Pendidikan juga boleh disampaikan melalui secara formal atau tidak formal menjurus kepada perkembangan potensi individu dari segi Jasmani, emosi, rohani dan intelektual (Husin et all:2011). Pendidikan akhlak pula merupakan satu perkara yang penting dalam cabang pendidikan Islam. Jika proses pendidikan akhlak ini gagal, sudah pasti pendidikan Islam itu secara keseluruhan tersebut dianggap sebagai gagal.

Islam meletakkan tanggungjawab pendidikan akhlak kepada ibu bapa sementara fakta pula menunjukkan bahawa ibu bapa yang sama tidak mengambil berat akan tanggungjawab ini. Dalam Islam anak-anak adalah amanah dari Allah ibu bapa mesti menjaga amanah dengan baik dan tidak menganggapnya sebagai satu beban sebagaimana firman Allah dalam surah al-Anfal, ayat 28:

وَأَعْلَمُوا أَنَّمَا أَمْوَالُكُمْ وَأَوْلَادُكُمْ فِتْنَةٌ وَأَنَّ اللَّهَ عِنْدَهُ أَجْرٌ عَظِيمٌ

*Maksudnya: “Dan ketahuilah bahawa harta benda kamu dan anak-anak kamu hanyalah menjadi ujian dan sesungguhnya di sisi Allah jualah pahala yang besar.”*  
(Tafsir Pimpinan ar-Rahman Pengertian Kepada al-Quran, 2010: 408)

Dengan ini jelas membuktikan bahawa pendidikan memiliki kedudukan yang sangat penting dalam institusi keluarga. Kepentingan tersebut adalah untuk mencapai maksud dan tujuan bagi membentuk manusia dengan kata kunci yang beriman, bertaqwa, berakhlak mulia, berilmu, kreatif dengan kemahiran sendiri, dan lain-lainnya (Yoke Suryadharma dan Ahmad Hifzil Haq:2010).

## PERNYATAAN MASALAH

Dewasa ini sedang hangat dibicarakan tentang kemenjadian pelajar yang menjadi hasil daripada pendidikan akan tetapi sebahagiannya berkonsepkan kepada negatif salah laku seterusnya memberi implikasi buruk kepada pelajar dan remaja itu sendiri masalah seperti pergaulan bebas perkelahian gejala negatif yang lain menghiasi dada-dada akhbar.

Atas dasar inilah akhlak perlu dititikberatkan selari dengan ajaran Islam agar setiap remaja dan anak-anak dapat menunaikan kehidupannya sehari secara positif dan menjaga hubungannya sesama manusia dan kepada Allah (Yoke Suryadharma dan Ahmad Hifzil Haq:2010).

Dewasa ini keruntuhan akhlak dan moral semakin berleluasa terutamanya dalam aspek penggunaan bahasa. kata-kata kesat, maki hamun, perli, dan sebagainya seolah-olah menjadi kebiasaan mereka. Dalam satu kajian oleh pengamal media mendapati individu dan bahasa yang digunakan adalah berhubungkait antara satu sama lain. Jika sumber Bahasa itu adalah baik maka baiklah bahasa yang digunakan dan sebaliknya (Mohd Yahya et. al:2014).

Apatah lagi jika penutur bahasa itu berasal dari pelbagai latar belakang yang berbeza, status, usia, budaya, pendidikan dan sebagainya. Sudah pasti kesalahfahaman dan kekasaran ini boleh membawa kepada pergaduhan bahkan sehingga berlakunya peperangan (Zikmal:2015).

## **PENDIDIKAN AKHLAK**

Pendidikan amat penting untuk pembangunan negara kerana dapat melengkapkan masyarakat dengan ilmu pengetahuan, kecekapan dan memacu pertumbuhan dan membawa kemakmuran serta keharmonian negara. Dalam hal ini, pendidikan berteraskan modal insan perlu diutamakan untuk melahirkan individu yang berakhlak mulia, berfikiran kreatif, berkemahiran serta mempunyai ketahanan untuk berdepan dengan persekitaran yang dinamik. Penghayatan pendidikan ini merangkumi pendidikan Islam yang dapat meningkatkan sahsiah keimanan kepada Allah (Zulekha Yusuf et al: 2017).

Menurut Kementerian Pendidikan Malaysia (2005), Pendidikan Islam adalah salah satu komponen dalam Falsafah Pendidikan Negara yang berusaha untuk menyampaikan ilmu, kemahiran dan penghayatan Islam, berdasarkan al-Quran dan as-Sunnah bagi membentuk sikap, kemahiran, keperibadian dan pandangan hidup sebagai Hamba Allah yang mempunyai tanggungjawab untuk membangun diri, masyarakat, alam sekitar dan negara ke arah mencapai kebaikan di dunia dan akhirat (Abdullah Muhammad et al: 2005).

Akhlak atau (الأخلاق) membawa erti untuk semua berkaitan dengan ilmu etika. Kata ini menyifatkan segala perbuatan dan amalan yang disifatkan sebagai baik atau buruk.

Pendidikan pula atau disebut tarbiyah (التربية) dalam bahasa Arab membawa makna membesarkan dan mendidiknya. Kata ini juga merangkumi mengetuai, menjaga dan mengembangkannya serta membetulkan seseorang apabila ia melakukan kesalahan (Khalid et al:2006).

Dengan itu, akhlak merupakan ukuran keperibadian seorang muslim. Ketika akhlak seorang tercemar dengan nilai yang bertentangan dengan syariat Islam, maka keperibadiannya turut tercedera. Sebaliknya orang yang bersikap seiring dengan ajaran al-Quran dan Sunnah, maka akhlaknya adalah mulia.

Muhammad Nasir dan Muhamad Zaid (2017) menegaskan bahawa pendidikan akhlak adalah usaha untuk mengarahkan anak agar mengikuti peribadi yang Islami. Pendidikan akhlak bermula dalam kalangan keluarga kerana ibu bapa yang menjadi tunjang utama dalam membentuk akhlak anak-anak.

Pendidikan akhlak pula adalah menekankan kepada penanaman akidah atau rohani dalam diri pelajar. Hal ini kerana akidah merupakan teras Islam yang utama dan di samping menyuburkan iman. Di sinilah lahirnya akhlak yang baik dan mulia sedang tanpa kedua-dua aspek ini, insan tersebut akan berakhlak buruk dan keji. Dengan kata yang lain, agama merupakan asas dalam pengamalan akhlak manusia. Tanpa ikatan agama, pendidikan akhlak itu tidak akan kekal, malah hanya bersifat sementara dan akhirnya membawa kepada kegagalan pendidikan akhlak (Asmawati:2007).

## **PENDIDIKAN AKHLAK DALAM KELUARGA**

Pendidikan bermula dari rumah kerana di sinilah kumpulan terkecil dalam masyarakat ini membentuk persekitaran dan pengalaman pertama bagi seorang kanak-kanak daripada ibu bapanya. Perkembangan peribadi ini sangat bergantung kepada kehidupan keluarga yang baik dan persekitaran yang membantu dan memainkan peranan yang tinggi dalam membentuk perubahan individu (Zikriyatia:2017).

Pendidikan Islam harus mula dari rumah tangga dan dimulakan dengan arahan solat kepada anak-anak sebagaimana firman Allah dalam Surah Taha 132:

وَأْمُرْ أَهْلَكَ بِالصَّلَاةِ وَاصْطَبِرْ عَلَيْهَا لَا نَسْأَلُكَ رِزْقًا نَحْنُ نَرْزُقُكَ وَالْعَاقِبَةُ لِلتَّقْوَى ﴿١٣٢﴾

*Maksudnya: "Dan perintahkanlah keluargamu serta umatmu mengerjakan sembahyang dan hendaklah engkau tekun bersabar menunaikannya. Kami tidak*

*meminta rezeki kepadamu, (bahkan) Kamilah yang memberi rezeki kepadamu. Dan (ingatlah) kesudahan yang baik adalah bagi orang-orang yang bertaqwa.” (Tafsir Pimpinan ar-Rahman Pengertian Kepada al-Quran, 2010: 801)*

Ayat di atas memberi erti bahawa penerapan pendidikan agama perlu diusahakan oleh kedua-dua ibu bapanya melalui latihan latihan ibadah secara rutin.

Justeru, kesedaran akhlak dan nilai ini amat penting untuk diberi perhatian oleh pihak ibu bapa. Kita mahu segala usaha ini dimanfaatkan untuk kesejahteraan para remaja dan anak-anak tanpa mengalami krisis atau kekeliruan dalam diri. Sebagai contoh, sejarah Darwin dengan Teori evolusi Dalton, teori atom sebagai unsur terkecil sehingga menafikan kekuasaan Allah. Adalah menjadi tanggungjawab ibu bapa untuk menerapkan kepercayaan ini dalam diri anak-anak (Ajmain 2014).

## **KESANTUNAN BAHASA**

Prinsip agama Islam menetapkan kesantunan bahasa berhubung secara langsung dengan peranan manusia di muka bumi ini iaitu menyuruh kepada kebaikan (Amar Ma'ruf) dan mencegah kemungkaran (Nahi Mungkar). Dalam melaksanakan kedua-dua peranan ini, kesantunan bahasa diperlukan agar mesej, nasihat, teguran dan ajaran yang disampaikan dapat diterima dengan baik dan meninggalkan kesan yang mendalam serta tidak menyebabkan kemarahan dan kebencian (Awang Sariyan:2015).


Menurut Abu Eid dan Muhamad Rahimi (2015), kesantunan bahasa dalam bahasa Arab adalah tergolong dalam ilmu al-Balaghah seperti (الكناية) iaitu perumpamaan, (التعريض) iaitu memberi gambaran atau kata kunci (pembayang), dan (التورية) iaitu menggambarkan maksud yang lain (yang lebih jauh).

Menurut Ahmad Muhammad al-Omoush (2010), dalam konteks aplikasi kesantunan bahasa, ia melibatkan perkara berkaitan konteks maruah, malu, penghormatan, perkahwinan, penyakit dan lain-lain yang menyebabkan sesuatu perkataan atau gaya bahasa itu ditukarkan dan menggunakan kaedah kesantunan bahasa.

Justeru, kajian ini akan menekankan kepada penggunaan kesantunan bahasa dari perspektif pendidikan akhlak dalam keluarga. Kajian ini menggunakan model kesantunan bahasa yang digariskan oleh Ahmad Muhammad al-Omoush (2010). Pemilihan ini kerana kajian ini hanya berkaitan dengan aspek uslub atau gaya bahasa dalam al-Quran dalam konteks menggambarkan perkara berkaitan kesantunan.

## ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Dalam al-Quran terdapat banyak ayat yang merujuk kepada aspek kesantunan. Rajah di bawah menunjukkan 61 ayat atau 0.98 Peratus ayat yang ditemui mempunyai gaya bahasa (*Uslub*) Kesantunan Bahasa.



Rajah 1: Kesantunan Bahasa dalam al-Quran

Dalam 61 ayat tersebut, sebanyak 9 ayat merujuk kepada pendidikan akhlak dan dalam artikel ini hanya dibahas lima daripadanya. Antara analisis ayat tersebut sebagaimana berikut:

### Janji Ketauhidan Manusia Sejak Alam Ruh.

Pendidikan bukan sahaja bermula sejak lahir, malah proses ini telah berlaku sejak manusia berada di alam roh lagi. Firman Allah dalam surah al-A'raf Ayat 172:

وَإِذْ أَخَذَ رَبُّكَ مِنْ بَنِي آدَمَ مِنْ ظُهُورِهِمْ ذُرِّيَّتَهُمْ وَأَشْهَدَهُمْ عَلَىٰ أَنفُسِهِمْ أَلَسْتُ بِرَبِّكُمْ  
قَالُوا بَلَىٰ شَهِدْنَا أَن تَقُولُوا يَوْمَ الْقِيَامَةِ إِنَّا كُنَّا عَنْ هَذَا غَافِلِينَ ﴿١٧٢﴾

*Maksudnya: Dan (ingatlah wahai Muhammad) ketika Tuhanmu mengeluarkan zuriat anak-anak Adam (turun-temurun) dari (tulang) belakang mereka, dan Ia jadikan mereka saksi terhadap diri mereka sendiri, (sambil Ia bertanya dengan firmanNya): “Bukankah Aku tuhan kamu?” Mereka semua menjawab: “Benar (Engkaulah Tuhan kami), kami menjadi saksi”. Yang demikian supaya kamu tidak berkata pada hari*

*kiamat kelak: “Sesungguhnya kami adalah lalai (tidak diberi peringatan) tentang (hakikat tauhid) ini”.* (Tafsir Pimpinan ar-Rahman Pengertian Kepada al-Quran, 2010, p. 390)

Dalam ayat (أَلَسْتُ بِرَبِّكُمْ), al-Qurtuby (1964) menafsirkan terdapat penerapan pendidikan tauhid dalam ikrar manusia sejak dari alam roh. Unsur kesantunan bahasa dalam ayat ini adalah menggunakan *Istifham Takriri* yang bermaksud pertanyaan yang mendorong *mukhotob* mengakui sesuatu yang tetap darinya, sama ada penetapan atau penafian.

Ayat ini menegaskan pendidikan telah bermula dan yang paling utama adalah mendidik anak agar mencintai dan mengakui keesaan dan kekuasaan Allah. Hal ini kerana adalah menjadi fitrah manusia yang dilengkapi akal fikiran untuk mengakui Allah yang Esa sejak dari alam roh lagi.

Hal ini dibuktikan lagi dengan penelitian yang digariskan oleh Muhammad Naqib al-Attas bahawa pendidikan agama Islam itu bertujuan membimbing pelajarnya ke arah ketauhidan dan diaplikasikan menerusi alam realiti (Jamilah:2014).

### **Penerapan Kefahaman Sifat al-Rahman**

Setelah aspek ketauhidan dapat disemai dalam diri anak-anak, ibu bapa perlu memberi kefahaman tentang salah satu sifat Allah iaitu al-Rahman sebagaimana firmanNya dalam surah Taha, ayat 5:

الرَّحْمَنُ عَلَى الْعَرْشِ اسْتَوَى ﴿٥﴾

*Maksudnya: “Iaitu (Allah) Ar-Rahman, yang bersemayam di atas ‘Arasy.”* (Tafsir Pimpinan ar-Rahman Pengertian Kepada al-Quran, 2010: 772)

Seorang yang memahami al-Rahman pasti akan mengasihi orang lain dan menasihatinya agar mengingati Allah SWT, bahkan ia lebih mementingkan orang lain berbanding dirinya meskipun dia dianiaya. Imam al-Ghazali menjelaskan bahawa pengertian kepada sifat al-Rahman ini adalah *dhu al-Ra'fah* iaitu yang mempunyai kesantunan di mana kesantunan itu bermaksud *shiddah al-Rahmah* (kasih sayang yang kuat. Pengertian ini menunjukkan sikap bertanggungjawab yang dapat ditonjolkan oleh seseorang itu antaranya berusaha menasihati dan membantu rakannya sedaya upaya dengan penuh kasih sayang, ilmu dan apa-apa yang dimilikinya yang merupakan amanah untuk dikongsi oleh orang lain (Mohd Hasrul et al:2017).

### **Penggunaan Perkataan Yang Sesuai Pada Tempatnya**

Remaja atau anak-anak juga perlu diajar untuk menggunakan kesantunan bahasa dalam komunikasi harian. Firman Allah dalam surah al-Nisa' ayat 6:

وَابْتَلُوا الْيَتَامَىٰ حَتَّىٰ إِذَا بَلَغُوا النِّكَاحَ فَإِنْ ءَانَسْتُمْ مِنْهُمْ رُشْدًا فَادْفَعُوا إِلَيْهِمْ أَمْوَالَهُمْ وَلَا تَأْكُلُوهَا إِسْرَافًا وَبِدَارًا أَن يَكْبُرُوا ۚ وَمَن كَانَ غَنِيًّا فَلْيَسْتَعْفِفْ ۚ وَمَن كَانَ فَقِيرًا فَلْيَأْكُلْ بِالْمَعْرُوفِ ۚ فَإِذَا دَفَعْتُمْ إِلَيْهِمْ أَمْوَالَهُمْ فَأَشْهَدُوا عَلَيْهِمْ ۚ وَكَفَىٰ بِٱللَّهِ حَسِيبًا ﴿٦﴾

*Maksudnya: Dan ujilah anak-anak yatim itu (sebelum baligh) sehingga mereka cukup umur (dewasa). Kemudian Jika kamu nampak dari keadaan mereka telah cerdik dan berkebolehan menjaga hartanya, maka serahkanlah kepada mereka hartanya; dan janganlah kamu makan harta anak-anak yatim itu secara melampaui batas; dan secara terburu-buru sebelum mereka dewasa; dan sesiapa yang kaya maka hendaklah ia menahan diri; dan sesiapa yang miskin maka bolehlah ia memakannya dengan cara yang sepatutnya. Kemudian apabila kamu menyerahkan kepada mereka hartanya, maka hendaklah kamu adakan saksi-saksi mereka. Dan cukuplah Allah sebagai Pengawas (akan segala yang kamu lakukan). (Tafsir Pimpinan ar-Rahman Pengertian Kepada al-Quran, 2010, p. 180)*

Dalam ayat di atas, perkataan nikah (النكاح) bermaksud cukup umur atau dewasa. Dalam tafsir al-Tabari (2001) mengatakan bahawa nikah ini bermaksud baligh dan baligh ini boleh terjadi dengan pelbagai cara dan antaranya adalah nikah. Dalam tafsir yang lain pula ada menyebut maksud tepat adalah Jimak tetapi digunakan perkataan nikah kerana lebih sesuai dan lembut.

Secara umumnya, seseorang itu perlu menggunakan bahasa yang sopan dalam percakapan dan menyampaikan mesej. Hal ini kerana bahasa yang sopan itu mampu mempengaruhi seseorang ke arah kebaikan. Mesej dan pesanan yang disampaikan juga akan mudah diterima seterusnya dalam mengajak mad'u kepada arah yang ingin ditujui (Fairuz et.al:2016).

### **Gelaran Seseorang dengan Panggilan Baik.**

Dalam berkomunikasi, remaja tidak boleh lari dari aspek memanggil seseorang. Setiap individu itu ada panggilan tertentu yang layak baginya atau jawatan yang mendorong beberapa nama jawatan tersebut untuk dipanggil.

Dalam Surah az-Zukhruf ayat ke 49 ini turut mengandungi aspek kesantunan bahasa semasa berbicara dengan seseorang yang berada di hadapan. Ia boleh dijelaskan sebagaimana berikut:

وَقَالُوا يَا أَيُّهَا السَّاحِرُ ادْعُ لَنَا رَبَّكَ بِمَا عَهِدَ عِنْدَكَ إِنَّنَا لَمُهْتَدُونَ ﴿٤٩﴾

*Maksudnya: Dan (apabila bala' bencana itu menimpa mereka), mereka merayu kepada Nabi Musa dengan berkata: "Wahai orang yang bijak pandai, pohonkanlah kepada Tuhanmu keselamatan untuk kami dengan (kemuliaan) pangkat Nabi yang diberikan kepadamu; sesungguhnya kami (sesudah itu) akan patuh beriman". (Tafsir Pimpinan ar-Rahman Pengertian Kepada al-Quran, 2010: 1310)*

Ibn Kathir mengatakan frasa (يأيه الساحر) adalah aspek kesantunan dalam bahasa dalam usaha untuk memujuk nabi Musa AS agar memohon doa kepada Allah SWT untuk keselamatan mereka. Frasa ini membawa maksud (العالم) iaitu orang yang bijak pandai (Buzaid:2011). Walaupun (الساحر) tetap bererti ahli sihir, namun ibn Katsir mentafsirkan para alim ulama' kerana pada zaman itu kesemua orang alim adalah dalam kalangan ahli sihir. Atas sebab itu, kaum Bani Israil tetap memanggil nabi Musa AS sebagai (الساحر).

Sayyid Qutb (2000) pula sebaliknya mengatakan bahawa ini adalah sesuatu yang aneh tentang kaum Firaun kerana mereka memanggil Nabi Musa sebagai (الساحر) iaitu tukang sihir walaupun mereka sedang menghadapi malapetaka dan memohon pertolongan nabi Musa AS, namun mereka masih memanggil Baginda sebagai Tukang sihir.

Panggilan seperti (الساحر) atau lain-lain panggilan atau gelaran yang menunjukkan kepada penghormatan terhadap seseorang amat penting dalam aspek kesantunan bahasa. Ini adalah kerana bahasa panggilan yang digunakan mampu mempengaruhi dan memberi kesan kepada seseorang, sama ada memberi semangat atau menjatuhkan moralnya (al-Rajih:2009)

### **Menjawab Pertanyaan dengan Hikmah.**

Dalam melayani karenah dan persoalan remaja, ibu bapa tidak dapat lari dari menjawab pelbagai soalan yang diutarakan. Kesemua ini perlu dibalas dan dijawab dengan hikmah agar aspek pendidikan dapat diterapkan dengan berkesan.

Dalam Surah Saba' ayat ke-24 turut mengandungi unsur kesantunan bahasa yang digunakan oleh Allah SWT melalui Rasulullah SAW dalam konteks yang sama:

قُلْ مَنْ يَرْزُقُكُمْ مِّنَ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ قُلِ اللَّهُ  
وَإِنَّا أَوْ إِيَّاكُمْ لَعَلَىٰ هُدًى أَوْ فِي ضَلَالٍ مُّبِينٍ ﴿٢٤﴾

*Maksudnya: Bertanyalah (Wahai Muhammad kepada orang-orang musyrik itu): "Siapakah yang memberi rezeki kepada kamu dari langit dan bumi?" Terangkanlah jawabnya: "Ialah Allah; dan sesungguhnya (tiap-tiap satu golongan), sama ada golongan kami ahli tauhid atau golongan kamu ahli syirik – (tidak sunyi daripada salah satu dari dua keadaan): keadaan tetapnya di atas hidayah petunjuk atau tenggelamnya dalam kesesatan yang nyata.x (Tafsir Pimpinan ar-Rahman Pengertian Kepada al-Quran, 2010: 1131)*

Ayat ini merujuk kepada dialog Rasulullah SAW kepada Musyrikin pada ketika itu. Musyrikin ini adalah golongan yang menyembah patung berhala, mengikut sembah nenek moyang, adat dan turun-temurun warisan mereka yang sememangnya menyesatkan. Amalan syirik, pembohongan, riba' dan penindasan menjadi amalan rutin mereka. Maka kedatangan Rasulullah SAW adalah untuk membawa risalah tauhid kepada kaum ini dan seluruh umat manusia serta makhluk di muka bumi ini (al-Suyani:2004).

Hamka (1999) dalam kitab tafsirnya, iaitu al-Azhar mengatakan bahawa soalan seperti (من يرزقكم) ini timbul dari Rasulullah SAW kepada kaum Baginda kerana selama ini mereka memohon rezeki dari berhala yang mereka sendiri ciptakan. Di akhir ayat ini mereka diajak untuk memikirkan yang mana satukah jalan yang benar antara petunjuk Allah SWT dan ajaran nenek moyang mereka. Soalan ini turut menafikan bahawa tidak ada yang memberi rezeki selain daripada Allah SWT (Abdul Karim:2000).

Hal ini jelas menunjukkan Allah SWT memberi bimbingan melalui Rasulullah SAW dengan tiga cara iaitu; berhikmah, memberi pelajaran yang baik serta pertukaran fikiran dengan jalan yang lebih baik.

## **PENUTUP**

Sebagai kesimpulan, pendidikan akhlak amat penting dan perlu diutamakan oleh para ibu bapa kerana generasi pada hari ini seakan semakin menjauh dengan penerapan nilai dan akhlak dalam diri. Justeru, penerapan kesantunan bahasa dan contoh-contoh dalam al-Quran yang dipaparkan boleh dijadikan panduan antaranya adalah:

1. Menerapkan unsur ketauhidan dalam diri anak-anak sejak dari kecil lagi agar unsur-unsur negatif yang lain tidak mampu masuk dalam diri mereka kerana didindingi oleh tauhid kepada Allah semata-mata.
2. Kefahaman terhadap sifat al-rahman boleh diaplikasikan dalam kehidupan iaitu kasih sayang sesama manusia, hormat-menghormati, bertanggungjawab dan amanah berkongsi nikmat dengan orang lain.
3. Perkataan yang digunakan oleh anak-anak dan ibu bapa perlu sesuai dan kena pada tempatnya. Hindarkan perkataan negatif yang hanya akan meracuni minda para remaja dan akhirnya mereka terkesan dan terdorong untuk melakukan perbuatan negatif tersebut.
4. Setiap individu mempunyai gelaran yang tersendiri dan ajarilah anak-anak agar memanggil seseorang dengan gelaran yang baik. Hal ini dapat mewujudkan suasana keharmonian dan hormat menghormati dalam kalangan masyarakat.

## **RUJUKAN**

- Abdullah Muhammad Zin, Zulkiplie Abd Ghani dan Abdul Ghafar Don (2005). *Pendidikan Islam di Malaysia Dari Pondok ke Universiti*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ajmain Safar, Ahmad Marzuki Muhammad dan Wan Hassan Wan Embong (2014). *Pendidikan Akhlak Dalam Sistem Pendidikan di Malaysia Sebagai Asas Kecemerlangan Pencapaian Sains dan Teknologi*. Skudai. University Teknologi Malaysia.
- Andika Saputra (2014). *Konsep Pendidikan Akhlak dan Implikasinya Dalam Pendidikan Agama Islam di Atas Pemikiran Said Muhammad Naqib Al Attas dan Ibnu Maskawaih*. Yogyakarta. Universitas Islam Negeri Sunan Kalijaga.
- Asmawati Suhid (2007). *Pengajaran Adab dan Akhlak Islam Dalam Membangunkan Modal Insan*. Jurnal Pengajian Umum. Bangi. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Awang Sariyan (2015). *Santun Berbahasa (Edisi Kedua)*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Basmeih, S. A. (2010). *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Pengertian Kepada Al-Quran*. Kuala Lumpur: Darul Fikir.
- Hamka (1999). *Tafsir Al-Azhar*. Jilid 5 Cetakan Ketiga. Singapura. Pustaka National Pte Ltd.
- Husin Sarju, Rohana Hamzah dan Amirmudin Udin (2011). *Pendidikan Matlamat dan Fungsinya*. Eprints. Skudai. Universiti Teknologi Malaysia.
- Jamilah Mohd Noor (2014). *Keberkesanan Pendidikan Akhlak Di Sekolah Menengah Kebangsaan Di Seremban Negeri Sembilan*. Kuala Lumpur. Universiti Malaya.
- Mohd Hasrul Shuharia, Mohd Fauzi Hamatb dan Akila Mamatc (2017). *Kefahaman Terhadap al-Asma al-Husna dan Kaitannya Dengan Ciri-Ciri al-Amanah Menurut al-Ghazali Dalam Kitab al-Maqasid al-Asna*. The International

- Seminar on Islamic Jurisprudence in Contemporary Society 2017. Kuala Terengganu. Universiti Sultan Zainal Abidin.
- Mohd Yahya, Sharil Nizam dan Jessica Ong (2014). *Penggunaan Bahasa Dalam Bahan Perhubungan Media di Malaysia*. Prosiding Seminar Antarabangsa Psikoolinguistik III, Psikolinguistik Dalam Masyarakat. Serdang. Universiti Putra Malaysia.
- Muhamad Fairuz, Che Radiah, Mohd Sukki (2017). *Pendekatan Bahasa Sopan Dalam Al-Quran: Satu Kajian Dari Perspektif Surah Yusuf*. Jurnal As:Sirat. Kuantan. Kolej Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah.
- Muhammad Ibnu Abdul Hafidh Suwaid (2010). *Cara Nabi Mendidik Anak*. Jakarta Timur. Al-Itisom.
- Muhammad Nasir dan Muhamad Zaid Ismail (2017). *Pendidikan Akhlak Dalam Keluarga Menurut Surat Al-Luqman*. The International Seminar on Islamic Jurisprudence in Contemporary Society 2017. Kuala Terengganu. Universiti Sultan Zainal Abidin.
- Sayyid Qutb (2000). *Tafsir Fi Zilalil Quran (Terj.)* Kuala Lumpur. Pustaka Aman Press Sdn Bhd & YAPEIM. Jilid 17.
- Sidek Baba (2010). *Kehidupan Sejahtera Terbina Atas Pendidikan Bersepadu*. Pendidik Diri. Jun 2010.
- Yoke Surya Dharma dan Ahmad Hifzil Haq (2010). *Pendidikan Akhlak Menurut Imam Al-Ghazali*. Universitas Darussalam Gontor. Jurnal Ta'dib.
- Zikmal Fuad (2015). *Pendekatan Bahasa Dalam Dakwah (Satu Kajian Dari Perspektif Al-Qur'an)*. E-Jurnal Penyelidikan Dan Inovasi Jilid II. September 2015. Bangi. Kolej Universiti Islam Selangor.
- Zikriyatia (2017). *Konsep Syahadah Dalam Pendidikan Islam (Informal, Formal Dan Nonformal)*. The International Seminar on Islamic Jurisprudence in Contemporary Society 2017. Kuala Terengganu. Universiti Sultan Zainal Abidin.
- Zulekha Yusuf, Huzaimah Ismail dan Kamariah Yusuf (2017). *Pembelajaran Sepanjang Hayat Dalam Pembinaan Masyarakat Harmoni*. The International Seminar on Islamic Jurisprudence in Contemporary Society 2017. Kuala Terengganu. Universiti Sultan Zainal Abidin.

ابن كثير. (١٩٧١). *قصص الأنبياء*. بيروت. دار الكتب العلمية.

الطبري، أبو جعفر (٢٠٠١). *تفسير الطبري*. القاهرة. دار هجر للطباعة والنشر والتوزيع والإعلان.

القرطبي، أبو عبد الله محمد بن أحمد (١٩٦٤). *تفسير القرطبي*. القاهرة. دار الكتب المصرية. العموش، أحمد محمد فليح (٢٠١٠). *التلطف في لغة القرآن الكريم*. الأردن. جامعة البيت.

بوزيد رحمون (٢٠١١). الدلالات السياقية للقصص القرآن. الجزائر. جامعة فرحات عباس.  
عبد الكريم محمد يوسف (٢٠٠٠). أسلوب الاستفهام في القرآن الكريم. مكتبة الغزالي.  
دمشق.

علي عبد العزيز الراجحي (٢٠٠٩). التلطف في الأساليب العربية. المكتبة الالكترونية.  
محمد أبو عيد ومحمد رحيمي خويكاني (٢٠١٥). التلطف والمحظور في تفسير الكشاف  
للألفاظ الجنسية في لغة القرآن الكريم. بحوث اللغة العربية. لكلية اللغات الأجنبية  
بجامعة إصفهان.

محمد الصوياني (٢٠٠٤). السيرة النبوية كما جاءت في الأحاديث الصحيحة. المجلد الأول.  
مكتبة العبيكان. الرياض.